- (iv) To seek direct assistance from IEET and ABEEK in order to be MBOT's mentor and nominators for the Provisional Members of Seoul Accord in 2018; and
- (v) To ensure that Computing and IT Programmes as well as Technologists and Technicians profession in Malaysia in this field is being recognised under international accords.

LAWATAN TEKNIKAL MBOT KE AFRIKA SELATAN

MBOT TECHNICAL VISIT TO SOUTH AFRICA

Lawatan teknikal ke Afrika Selatan diadakan bertujuan untuk melihat dan mempelajari amalan terbaik (*best practices*) tadbir urus dan pengawalseliaan profesion Teknologis dan Juruteknik, akreditasi program akademik teknologi dan teknikal, di samping menjalankan kerjasama dua hala dengan badan kawal selia profesion Teknologis dan Juruteknik di Afrika Selatan. Delegasi MBOT telah dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian dan juga cadangan penambahbaikan pengawalseliaan dan akreditasi program teknologi dan teknikal di negara ini dengan proses penandaaran terhadap badan profesional yang sama Afrika Selatan dan negara-negara lain yang berkenaan.

Di Afrika Selatan, golongan juruteknik lepasan diploma daripada Technikons akan diiktiraf oleh badan profesional iaitu Engineering Council of South Africa (ECSA) sebagai Juruteknik Profesional. Juruteknik Profesional ini mempunyai tanggungjawab dan tugas yang penting di dalam memastikan kerja-kerja teknikal mengambil kira aspek keselamatan awam. MBOT boleh mengambil contoh bagaimana Juruteknik Profesional di Afrika Selatan ini diiktiraf dan dikawal selia oleh ECSA dan mengadaptasikan kaedah yang sama di Malaysia sebagai satu-satunya badan profesional yang mengawal selia golongan juruteknik.



Technical visits to South Africa are aimed at viewing and studying the best practices of governance and technological profession, accreditation of academic programmes in technology and technical, as well as establishing a bilateral cooperation with technological and technical profession regulatory agencies in South Africa. The MBOT delegation has been given the responsibility to conduct the research and also recommendations for regulatory enhancements and accreditation of technology and technical programmes in the country with the benchmarking process against the same professional body of South Africa and other relevant countries.

In South Africa, a diploma-learner technician from Technikons will be recognized by the professional body of the Engineering Council of South Africa (ECSA) as a Professional Technician. This Professional Technician has important responsibilities and duties in ensuring technical work takes into account public safety aspects. MBOT can take an example of how this Professional Technician in South Africa is recognized and regulated by ECSA and adapted the same method in Malaysia as the only professional body regulating technicians.



Delegasi MBOT juga telah mengadakan lawatan dan perbincangan bersama organisasi-organisasi berikut:

- (i) South African Council for Natural Scientific Professions (SACNASP);
 - (ii) Engineering Council of South Africa (ECSA);
 - (iii) Department of Higher Education & Training (DHET);
 - (iv) Tshwane University of Technology (TUT);
 - (v) National Research Foundation (NRF);
 - (vi) South African Technology Network (SATN); and
 - (vii) National Association of Automobile Manufacturers of South Africa (NAAMSA).
-

MBOT delegates also visited and discussed with the following organisations:

- (i) South African Council for Natural Scientific Professions (SACNASP);
- (ii) Engineering Council of South Africa (ECSA);
- (iii) Department of Higher Education & Training (DHET);
- (iv) Tshwane University of Technology (TUT);
- (v) National Research Foundation (NRF);
- (vi) South African Technology Network (SATN); and
- (vii) National Association of Automobile Manufacturers of South Africa (NAAMSA).

KUNJUNGAN KE KANADA DAN JERMAN TRIP TO CANADA AND GERMANY

MBOT telah mengadakan lawatan ke Kanada dan Jerman bagi mempelajari tentang proses pengiktirafan yang diberikan kepada golongan Teknologis dan Juruteknik di sana sekaligus memberi peluang bagi MBOT untuk mempelajari proses pendidikan serta proses akreditasi yang dilakukan di kedua-dua buah negara tersebut.

MBOT has visited Canada and Germany to assimilate the recognition process given to their Technologists and Technicians and learned on how the education and the accreditation process is conducted in both countries. List of Institutions MBOT visited as follows:

- Centennial College, Canada
- Canadian Council of Technicians & Technologists (CCTT)
- Karlsruhe University of Applied Sciences, Germany
- Technology Industrial Visit to Siemens
- Technology Industrial Visit to Association of German Chambers of Industry and Commerce in Berlin, Germany
- Technology Industrial Visit to European School of Management and Technology in Berlin, Germany





MBOT TECHNOLOGY AND TECHNICAL ACCREDITATION SUMMIT 2017

MBOT telah menganjurkan MBOT Technology and Technical Accreditation Summit 2017 pada 14 Disember 2017. Objektif persidangan ini adalah:

- untuk mempromosikan TTAC sebagai majlis akreditasi bagi program teknologi dan teknikal berdasarkan bidang teknologi yang diiktiraf MBOT;
- untuk mempromosikan kerjasama simbiotik MBOT dengan MQA dan IPT; dan
- untuk memberi penerangan kepada semua IPT mengenai proses akreditasi MBOT dan peralihan akreditasi program teknologi dari MQA kepada MBOT.

Sidang kemuncak itu telah menarik minat seramai 650 peserta dari universiti-universiti awam dan swasta, kolej-kolej serta penggerak industri dari beberapa sektor iaitu Minyak dan Gas, Bioteknologi, Keselamatan Siber, Automotif dan Teknologi Makanan. Sidang kemuncak itu telah berjaya dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bersama Menteri Pengajian Tinggi bagi kedua-dua majlis pembukaan serta majlis penutup.



MBOT has organized the MBOT Technology and Technical Accreditation Summit 2017 on 14 December 2017. The objective of this summit are:

- to promote TTAC as the accreditation council for technology and technical programmes for the recognised technology fields under MBOT;
- to promote MBOT's symbiotic co-operation with MQA and IHL; and
- to brief all IHL about MBOT's accreditation process and the shift of technology programme accreditation from MQA to MBOT.

The Summit managed to attract a crowd of 650 participants from public and private universities, colleges and industry players from a few sectors namely Oil and Gas, Biotechnology, Cyber Security, Automotive and Food Technology. The Summit was successfully officiated by Minister of Science, Technology and Innovation and Minister of Higher Education for both opening and closing ceremony.



Semasa sidang kemuncak ini, MBOT juga mengambil peluang untuk memberikan swa-akreditasi kepada beberapa IPT yang disenaraikan di bawah:

During this summit, MBOT has also taken the opportunity to award self-accreditation certificate to a few IHL listed below:

- Universiti Malaya
- Universiti Sains Malaysia
- Universiti Kebangsaan Malaysia
- Universiti Putra Malaysia
- Monash University Malaysia
- Curtin University, Malaysia
- Swinburne University of Technology (Kampus Sarawak)
- Universiti Teknologi Malaysia
- International Medical University
- Universiti Teknologi PETRONAS
- Universiti Teknologi MARA
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Universiti Utara Malaysia
- Universiti Tenaga Nasional
- Universiti Multimedia
- Universiti Tunku Abdul Rahman
- Universiti Kuala Lumpur Kampus Kota (UniKL - Kampus Kota)
- Universiti Kuala Lumpur - Malaysia France Institute (UniKL - MFI)

Kesemua program adalah program berdasarkan teknologi yang berada di bawah 21 bidang teknologi yang diiktiraf oleh MBOT. Usaha untuk mengiktiraf program swa-akreditasi dilakukan oleh MBOT, dan menaik taraf program-program tersebut untuk menjadi program profesional yang akan melancarkan laluan graduan ini untuk menjadi ahli MBOT pada masa akan datang.

All programmes are technology-based programmes under 21 technology fields recognised by MBOT. Effort made by MBOT to advocate the self-accredited programme and upgrade the programmes to be the professional programme, which allow seamless path for the graduates to become MBOT members in the future.





SENARAI PERBINCANGAN STRATEGIK DI ANTARA MBOT DAN PIHAK BERKEPENTINGAN TAHUN 2017

LIST OF STRATEGIC DISCUSSION BETWEEN MBOT AND ITS STAKEHOLDERS IN YEAR 2017

Perbincangan strategik antara MBOT dengan pihak-pihak berkepentingan merupakan satu langkah proaktif yang dilaksanakan oleh MBOT dalam menjalin kerjasama simbiotik bagi mengarusperdanakan peranan dan fungsi MBOT dengan Jabatan/Agensi Kerajaan, pihak swasta, pihak industri, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), IPT dan badan-badan profesional yang lain sama ada dari dalam dan luar negara.

The strategic discussion between MBOT and its stakeholders are proactive step implemented by MBOT in establishing symbiotic collaboration to mainstream MBOT's roles and functions with government departments/agencies, private sector, industry, non-governmental organisations (NGOs), IHL and other professional bodies both from within and outside the country.

1. Mesyuarat Kerjasama antara MBOT dengan Malaysian Institute of Food Technology (MIFT), 21 April 2017
MBOT's Collaborative Meeting with MIFT, 21 April 2017
2. Mesyuarat Kerjasama Akademik Bersama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), 11 Mei 2017
Academic Collaborative Meeting with UTAR, 11 May 2017
3. Mesyuarat Kerjasama MBOT dengan Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA), 16 Mei 2017
MBOT's Collaborative Meeting with ANM and AELB, 16 May 2017
4. Mesyuarat Kerjasama MBOT dengan Lembaga Ahli Geologis Malaysia, 31 Mei 2017
MBOT's Collaborative Meeting with Board of Geologists Malaysia, 31 May 2017
5. Mesyuarat Kerjasama MBOT dengan SL Rasch, 13 Jun 2017
MBOT's Collaborative Meeting with SL Rasch, 13 June 2017
6. Mesyuarat Kerjasama Bidang Teknologi Maklumat bagi Pengiktirafan Profesional MBOT, 17 Julai 2017
MBOT's Collaborative Meeting for Professional Recognition of MBOT in Information Technology Field, 17 July 2017
7. Perbincangan Kerjasama MBOT dengan German Malaysia Institute (GMI) bagi Pengiktirafan Profesional, 8 Ogos 2017
MBOT's Collaborative Meeting with GMI for Professional Recognition, 8 August 2017

8. Perbincangan Kerjasama MBOT dengan Malaysian Oil & Gas Services Council (MOGSC), 9 Ogos 2017
Collaborative Discussion between MBOT and MOGSC, 9 August 2017
9. Mesyuarat Kerjasama MBOT dengan Open University Malaysia (OUM), 14 September 2017
MBOT's Collaborative Meeting with OUM, 14 September 2017
10. Lawatan Kerjasama Sustainable Energy Development Authority (SEDA) ke MBOT, 21 September 2017
SEDA Collaborative Visit to MBOT, 21 September 2017
11. Lawatan & Perbincangan Bersama MBOT dan Majlis Profesor Negara (MPN), 16 Oktober 2017
Technical Visit and Collaborative Discussion between MBOT and MPN, 21 September 2017
12. Lawatan & Perbincangan Bersama MBOT dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), 16 Oktober 2017
Technical Visit and Discussion between MBOT and KKMM, 16 October 2017
13. Lawatan & Perbincangan Bersama MBOT dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 16 Oktober 2017
Technical Visit and Discussion between MBOT and MAMPU, 16 October 2017
14. Lawatan & Perbincangan Bersama MBOT dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), 16 Oktober 2017
Technical Visit and Discussion between MBOT and MQA, 16 October 2017
15. Mesyuarat bersama Pemandu Associates berkaitan Bidang Teknologi Pembangunan Permainan, 27 Oktober 2017
Meeting on Game Development Technology Field with Pemandu Associates, 27 October 2017
16. Lawatan Kerja Saudi Council of Engineers (SCE) ke MBOT, 9 November 2017
SCE Technical Visit to MBOT, 9 November 2017
17. Lawatan Kerja Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke MBOT, 9 November 2017
UiTM Technical Visit to MBOT, 9 November 2017
18. Mesyuarat Kerjasama MARA Aerotech di MBOT, 17 November 2017
MARA Aerotech Collaborative Meeting with MBOT, 17 November 2017
19. Mesyuarat Kerjasama MBOT dengan Akademi Laut Malaysia (ALAM), 23 November 2017
MBOT's Collaborative Meeting with ALAM, 23 November 2017
20. Sesi Perbincangan Ringkas antara MBOT dengan Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, Kementerian Kewangan (MoF), 5 Disember 2017
Brief Discussion Session between MBOT and SBM MoF, 5 December 2017
21. Kunjungan Hormat Delegasi Tertiary & Vocational Education Commission (TVEC) Sri Lanka ke MBOT, 13 Disember 2017
Courtesy Visit of TVEC Sri Lanka Delegation to MBOT, 13 December 2017

MESYUARAT KERJASAMA DI ANTARA MBOT BERSAMA MALAYSIAN INSTITUTE OF FOOD TECHNOLOGY (MIFT)

MBOT'S COLLABORATIVE MEETING WITH MALAYSIAN INSTITUTE OF FOOD TECHNOLOGY (MIFT)

YBhg. Tan Sri Dato' Academician (Dr.) Ts. Ahmad Zaidee bin Ladin, FASc., Presiden MBOT bersama-sama Pendaftar MBOT telah mengadakan mesyuarat kerjasama dengan Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) pada 21 April 2017. MIFT diwakili oleh Puan Hasimah Hafiz binti Ahmad, Presiden MIFT dan YBrs. Dr. Nik Ismail bin Nik Daud, Mantan Presiden MIFT.

YBhg. Tan Sri Dato' Academician (Dr.) Ts. Ahmad Zaidee bin Ladin, FASc., the President of MBOT with MBOT Registrar had collaborative meeting with Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) on 21 April 2017. MIFT was represented by Puan Hasimah Hafiz binti Ahmad, President of MIFT and YBrs. Dr. Nik Ismail bin Nik Daud, Former President of MIFT.





MESYUARAT KERJASAMA AKADEMIK BERSAMA UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR)

ACADEMIC COLLABORATIVE MEETING WITH
UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR)

Sesi perbincangan di antara MBOT dan UTAR telah berlangsung pada 11 Mei 2017 bertempat di Pejabat MBOT, yang mana ianya telah diwakili oleh Presiden, Pendaftar, pegawai MBOT dan TTAS. UTAR telah diwakili oleh YBhg. Ir. Prof. Academician Dato' Dr. Chuah Hean Teik, Presiden UTAR dan wakil-wakil Dekan dan Ketua Jabatan yang terlibat.

A discussion between MBOT and UTAR was held at MBOT's office on 11 May 2017. MBOT was represented by the President, the Registrar, MBOT's and TTAS representatives. UTAR was represented by YBhg. Ir. Prof. Academician Dato' Dr. Chuah Hean Teik, President of UTAR and representatives of Dean and Head of Department involved.



MESYUARAT KERJASAMA MBOT BERSAMA AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (ANM) DAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LPTA)

MBOT'S COLLABORATIVE MEETING WITH MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY (ANM) AND ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD (AELB)

MBOT telah berkesempatan mengadakan mesyuarat kerjasama dengan Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) pada 16 Mei 2018. MBOT telah diwakili oleh YBhg. Dato' Dr. Ir. Ts. Hj. Abdul Rashid Maidin, Anggota Lembaga MBOT serta YBrs. Ts. Mohd Nazrol Marzuqe, Pendaftar MBOT. ANM pula diwakili oleh YBrs. Dr. Mohd Asshar bin Hj. Khalid, Ketua Pengarah ANM, Encik Mohd Pauzi bin Mohd Mohd Sobari, Timbalan Ketua Pengarah ANM dan YBrs. Dr. Abdul Muin bin Abdul Rahman, Pengarah Kanan (Pengurusan) ANM manakala LPTA diwakili oleh Encik Faeizal bin Ali, Ketua Penolong Pengarah LPTA dan YBrs. Dr. Shukri bin Mohd, Pegawai Penyelidik ANM.

MBOT had an opportunity to hold a collaborative meeting with ANM and AELB on 16 May 2017. MBOT was represented by YBhg. Dato' Dr. Ir. Ts. Hj. Abdul Rashid Maidin, MBOT Board Members and YBrs. Ts. Mohd Nazrol Marzuqe, the MBOT Registrar. ANM was represented by YBrs. Dr. Mohd Asshar bin Hj. Khalid, Director General of ANM, Encik Mohd Pauzi bin Mohd Sobari, Deputy Director General of ANM and YBrs. Dr. Abdul Muin bin Abdul Rahman, Senior Director (Management) ANM while AELB was represented by Encik Faeizal bin Ali, Head of Deputy Director LPTA and YBrs. Dr. Shukri bin Mohd, Research Officer of ANM.



MESUARAT KERJASAMA MBOT DENGAN LEMBAGA AHLI GEOLOGIS MALAYSIA

MBOT'S COLLABORATIVE MEETING WITH BOARD OF GEOLOGISTS MALAYSIA



Perbincangan dan mesyuarat kerjasama bersama Lembaga Ahli Geologis Malaysia telah berlangsung pada 31 Mei 2017 di Pejabat MBOT yang mana ianya telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Ts. Hj. Abdul Rashid Maidin, Anggota Lembaga MBOT manakala Lembaga Ahli Geologis Malaysia pula diwakili oleh YBhg. Dato' Yunus bin Abd. Razak, P. Geol, Pengurus Lembaga Ahli Geologis Malaysia, YBhg. Datuk Mior Sallehhuddin bin Mior Jadidi, P.Geol, Ahli Lembaga Ahli Geologis Malaysia, Encik Abd. Rashid bin Jaapar, P.Geol, Ahli Lembaga Ahli Geologis Malaysia dan YBhg. Dato' Zakaria bin Mohamad, Ahli Persatuan Geologi Malaysia.


MBOT had held discussions and collaborative meetings with the Board of Geologists Malaysia on 31 May 2017 at the MBOT office. The meeting was chaired by MBOT Board Member, YBhg. Dato' Ir. Ts. Hj. Abdul Rashid Maidin. The Board of Geologists Malaysia was represented by YBhg. Dato' Yunus bin Abd. Razak, P. Geol, Chairman of Board of Geologists Malaysia, YBhg. Datuk Mior Sallehhuddin bin Mior Jadidi, P.Geol, Member of the Board of Geologists Malaysia, Encik Abd. Rashid bin Jaapar, P.Geol, Member of the Board of Geologists Malaysia and YBhg. Dato' Zakaria bin Mohamad, Member of the Geological Society of Malaysia.

PERBINCANGAN KERJASAMA MBOT BERSAMA GERMAN MALAYSIA INSTITUTE (GMI) BAGI PENGIFTIRAFAN PROFESIONAL

MBOT'S COLLABORATIVE DISCUSSION WITH GERMAN MALAYSIA INSTITUTE (GMI) FOR PROFESSIONAL RECOGNITION

MBOT telah berkesempatan mengadakan perbincangan kerjasama bersama GMI mengenai pengiktirafan kepada graduan GMI dan proses akreditasi yang dikendalikan oleh MBOT. MBOT diwakili oleh YBrs. Ts. Mohd Nazrol bin Marzuke, Pendaftar MBOT dan Timbalan-Timbalan Pendaftar MBOT manakala GMI diwakili oleh Encik Ngan Cheng Hwa, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pendidikan & Latihan) GMI serta Ketua-Ketua Jabatan yang berkaitan. Perbincangan ini juga telah melibatkan kehadiran pihak industri yang diwakili oleh Encik Willy Mak Pengurus Kanan Johnson & Johnson Sdn. Bhd.

MBOT had the opportunity to discuss with GMI on recognition of graduates from GMI and accreditation process conducted by MBOT. MBOT was represented by the Registrar, YBrs. Ts. Mohd Nazrol bin Marzuke and MBOT Deputy Registrars while GMI was represented by Encik Ngan Cheng Hwa, GMI's Deputy Director of Management (Education & Training) and other related Head of Department. This discussion involved the presence of industry player, represented by Encik Willy Mak, Senior Manager of Johnson & Johnson Sdn. Bhd.



LAWATAN TEKNIKAL DAN PERBINCANGAN KERJASAMA MBOT DENGAN MALAYSIAN OIL & GAS SERVICES COUNCIL (MOGSC)

TECHNICAL VISIT AND DISCUSSION BETWEEN MBOT AND MALAYSIAN OIL & GAS SERVICES COUNCIL (MOGSC)

Malaysian Oil & Gas Services Council (MOGSC) telah mengadakan lawatan teknikal ke Pejabat MBOT pada 9 Ogos 2017. Delegasi MOGSC diwakili oleh Puan Sharifah Zaida Nurlisha binti Syed Ibrahim, Presiden MOGSC, YBrs. Ir. Megat Zariman bin Abdul Rahim, Naib Presiden MOGSC, Encik Rohazlee bin Hashim, Pengurus Besar MOGSC dan Cik Shasheera binti Rosli, Eksekutif Kanan, Perhubungan Luar MOGSC. Selain itu, satu perbincangan ringkas berkenaan kerjasama MBOT dan MOGSC juga turut diadakan.

The Malaysian Oil & Gas Services Council (MOGSC) had a technical visit to MBOT on 9 August 2017. The MOGSC delegation was represented by Puan Sharifah Zaida Nurlisha binti Syed Ibrahim, MOGSC President, YBrs. Ir. Megat Zariman bin Abdul Rahim, MOGSC Vice President, Encik Rohazlee bin Hashim, MOGSC General Manager and Cik Shasheera binti Rosli, Senior Executive, MOGSC External Relations. A short discussion on MBOT and MOGSC collaboration were also being held.



LIBATURUS DAN JERAYAWARA ENGAGEMENTS AND ROAD SHOWS

Tahun 2016 (mulai Oktober 2016)

Year 2016 (from October 2016)

1. Taklimat Berkennaan MBOT di UTM Space, 28 Oktober 2016
Briefing on MBOT at UTM Space, 28th October 2016
2. Taklimat Pengenalan MBOT di Quest University Ipoh, 24 November 2016
Introduction of MBOT at Quest University Ipoh, 24th November 2016
3. Soaring Upwards 2.0 di Sunway University, 26 November 2016
Soaring Upwards 2.0 at Sunway University, 26th November 2016
4. Forum 'The Importance & Involvement of Engineering Technology in Industries di Universiti Malaysia Pahang, 5 Disember 2016
Forum 'The Importance & Involvement of Engineering Technology in Industries at Universiti Malaysia Pahang, 5th December 2016

Tahun 2017

Year 2017

1. Majlis Amanat Tahun Baharu Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 19 Januari 2017
New Year's Event Message of Director General of Polytechnic Education Department and Community College at Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, 19th January 2017
2. Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Zon Timur di AEON Kota Bharu, Kelantan, 11 & 12 Februari 2017
KPTN 2017 East Zone at AEON Kota Bharu, Kelantan, 11th & 12th February 2017
3. Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Mini Zon di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Perlis, 18 & 19 Februari 2017
KPTN 2017 Mini Zone at Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Perlis, 18th & 19th February 2017

4. Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Zon Selatan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor, 25 & 26 Februari 2017
KPTN 2017 South Zone at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor, 25th & 26th February 2017
5. Pameran Sempena Raptai Konvokesyen Ke-16, Politeknik Merlimau, Melaka, 3 Mac 2017
Exhibition in conjunction with 16th Convocation Rehearsal, Politeknik Merlimau, Melaka, 3rd March 2017
6. Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Zon Utara di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 4 & 5 Mac 2017
KPTN 2017 North Zone at Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 4th & 5th March 2017
7. Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Zon Sabah di Suria Sabah Shopping Mall, Kota Kinabalu, Sabah, 11 & 12 Mac 2017
KPTN 2017 Sabah Zone at Suria Sabah Shopping Mall, Kota Kinabalu, Sabah, 11th & 12th March 2017
8. Bioeconomy Day di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur 14 Mac 2017
Bioeconomy Day at Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur 14th March 2017
9. Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Zon Sarawak di CityONE Megamall Kuching, Sarawak, 18 & 19 Mac 2017
KPTN 2017 Sarawak Zone at CityONE Megamall Kuching, Sarawak, 18th & 19th March 2017
10. Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Zon Tengah Dewan Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, 25 & 26 Mac 2017
KPTN 2017 Middle Zone Dewan Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, 25th & 26th March 2017
11. Karnival Kerjaya dan Melanjutkan Pelajaran di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor, 27 Mac 2017
Career and Further Studies Carnival at Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor, 27th March 2017





12. Karnival Kerjaya dan Melanjutkan Pelajaran di Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang, 30 Mac 2017
Career and Further Studies Carnival at Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang, 30th March 2017
13. Taklimat Pengenalan MBOT di Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA Malaysia), 6 April 2017
Introduction of MBOT at Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA Malaysia), 6th April 2017
14. National Engineering & Technology Convention (NETC) 2017, Hotel Bangi Putrajaya, 8 April 2017
NETC 2017, Hotel Bangi Putrajaya, 8th April 2017
15. Majlis Menandatangani MoU antara Majlis Belia Malaysia dengan Rakan Strategik 1Belia 1Kemahiran di Hotel Dorsett Putrajaya, 8 April 2017
MoU Signing Ceremony between Majlis Belia Malaysia and Rakan Strategik 1Belia 1Kemahiran at Hotel Dorsett Putrajaya, 8th April 2017
16. Pameran Sempena Pertandingan Futsal Belia Berkemahiran di Kompleks Futsal 1Malaysia, Putrajaya, 9 April 2017
Exhibition in conjunction with Skilled Youth Futsal Competition at Kompleks Futsal 1Malaysia, Putrajaya, 9th April 2017
17. Karnival Ekspresi Negaraku di Kuala Kangsar, Perak, 15 April 2017
Ekspresi Negaraku Carnival at Kuala Kangsar, Perak, 15th April 2017
18. Pameran Sempena Program Internship and Career Excellence Day di Politeknik Merlimau, Melaka, 18 April 2017
Exhibition in conjunction with Internship and Career Excellence Day Programme at Politeknik Merlimau, Melaka, 18th April 2017
19. Pameran Pendidikan Tinggi & TVET Belia Negara 2017 sempena Hari Belia Negara 2017 di Putrajaya, 13 & 14 Mei 2017
Pameran Pendidikan Tinggi & TVET Belia Negara 2017 in conjunction with National Youth Day 2017 at Putrajaya, 13th & 14th May 2017
20. Tin Solder Technology Forum di Renaissance Hotel Kuala Lumpur, 18 Mei 2017
Tin Solder Technology Forum at Renaissance Hotel Kuala Lumpur, 18th May 2017
21. The 16th Asian Oil, Gas and Petrochemical Engineering Exhibition (OGA 2017) di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), 11–13 Julai 2017
OGA 2017 at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), 11th–13th July 2017
22. Pameran Sempena Konvokesyen Politeknik Melaka di Melaka Premium Outlet, Simpang Empat, Alor Gajah , Melaka, 11 & 12 Ogos 2017
Exhibition in conjunction with Konvokesyen Politeknik Melaka at Melaka Premium Outlet, Simpang Empat, Alor Gajah , Melaka, 11th & 12th August 2017
23. Karnival Kerjaya TVET Sabah 2017 di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah, 11 & 12 Ogos 2017
TVET Career Carnival Sabah 2017 at Politeknik Kota Kinabalu, Sabah, 11th & 12th August 2017
24. Karnival SkillsMalaysia Wilayah Tengah & Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia Peringkat Akhir 2017 di Centre for Instructor and Advanced Skill Training (CIAST) Shah Alam, 12–14 Ogos 2018
Karnival SkillsMalaysia Wilayah Tengah & Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia Peringkat Akhir 2017 at Centre for Instructor and Advanced Skill Training (CIAST) Shah Alam, 12th–14th August 2017
25. Taklimat MBOT Sempena Bengkel Gabungan Persatuan Penolong Jurutera & Penolong Pegawai Latihan Vokasional Universiti Awam di Universiti Putra Malaysia (UPM), 28 Ogos 2017
Briefing of MBOT in conjunction with Bengkel Gabungan Persatuan Penolong Jurutera & Penolong Pegawai Latihan Vokasional Universiti Awam at Universiti Putra Malaysia (UPM), 28th August 2017
26. BioMalaysia & Asia Pacific Bioeconomy 2017 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), 11–13 September 2017
BioMalaysia & Asia Pacific Bioeconomy 2017 at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), 11th–13th September 2017

27. Karnival Bioteknologi 2017 (Biotech Fest 2017) di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan, 13 & 14 September 2017
Biotech Fest 2017 at Politeknik Nilai, Negeri Sembilan, 13th & 14th September 2017
28. UMP TVET Exposition 2017 di Universiti Malaysia Pahang, 18–20 September 2017
UMP TVET Exposition 2017 at Universiti Malaysia Pahang, 18th–20th September 2017
29. Taklimat MBOT kepada Pegawai Sains, Penolong Pegawai Sains & Penolong Jurutera Universiti Malaya, 4 Oktober 2017
Briefing of MBOT to Officers & Engineers of Universiti Malaya, 4th October 2017
30. Program Route to Professionalism with Emphasis on Technologists & Technician through MBOT di UiTM Pulau Pinang, 9 Oktober 2017
Route to Professionalism with Emphasis on Technologists & Technician through MBOT at UiTM Pulau Pinang, 9th October 2017
31. National Innovation & Creative Economy Expo 2017 (NICE'17) di Taman Teknologi Malaysia (TPM), Bukit Jalil, Kuala Lumpur, 12–16 Oktober 2017
NICE'17 at Technologi Park Malaysia (TPM), Bukit Jalil, Kuala Lumpur, 12th–16th October 2017
32. Taklimat Penerangan Mengenai MBOT di Mesyuarat Majlis Dekan-dekan ICT (MaDICT) di Kementerian Pendidikan Tinggi, 2 November 2017
Briefing on MBOT at MaDICT Meeting at Kementerian Pendidikan Tinggi, 2nd November 2017
33. Taklimat MBOT kepada Penolong Jurutera, Pembantu Makmal dan Juruteknik Komputer UiTM Shah Alam, Selangor, 29 November 2017
Briefing of MBOT to Assistant Engineers, Lab Assistants and Computer Technicians of UiTM Shah Alam, Selangor, 29th November 2017
34. Majlis Taklimat 'Kepentingan Profesional dan Kemajuan Kerjaya' bagi Staf Teknikal UTM Skudai, Johor, 18 Disember 2017
Briefing on 'Kepentingan Profesional dan Kemajuan Kerjaya' for Technical Staff, UTM Skudai, Johor, 18th December 2017









Halaman
Chapter

05

LAPORAN KEWANGAN 2016 & 2017

FINANCIAL REPORT 2016 & 2017

PRESTASI KEDUDUKAN KEWANGAN MBOT

FINANCIAL PERFORMANCE OF MBOT


Penyata Kewangan MBOT bagi tahun 2016 dan 2017 telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). MBOT telah mendapat Geran Pelancaran bagi penubuhannya sebanyak RM8 juta pada 10 Disember 2015 dan sebanyak RM8 juta lagi pada 28 Mac 2016. MBOT mula beroperasi pada 10 Oktober 2016 dan jumlah pendapatan yang diperolehi MBOT bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM60,018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM59,668 merupakan keuntungan atas deposit tetap dan akaun semasa manakala RM350 pula daripada pendaftaran keahlian. Perbelanjaan MBOT bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM709,134.

Pada tahun 2017, MBOT tidak mendapat apa-apa geran daripada pihak Kerajaan dan hanya menggunakan peruntukan daripada geran pelancaran. Selain menggunakan geran pelancaran, MBOT memperoleh pendapatan daripada pendaftaran keahlian, akreditasi program-program pengajian dan pelaburan dalam deposit tetap. Jumlah pendapatan yang diperolehi MBOT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM626,904. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM453,852 merupakan keuntungan atas deposit tetap dan akaun semasa manakala RM173,052 pula hasil daripada pendaftaran keahlian dan akreditasi program pengajian. Perbelanjaan MBOT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM2,604,967 dengan defisit berjumlah RM1,978,063.

MBOT Financial Statements for 2016 and 2017 have been prepared in accordance with the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS). MBOT has received a Launching Grant for its inception of RM8 million on 10 December 2015 and RM8 million on 28 March 2016. However, MBOT started operating on 10 October 2016 and the total revenue earned by MBOT for the year ended 31 December 2016 was RM60,018. From the total, RM59,668 represents profit on fixed deposit and current account while RM350 is from membership registration. MBOT's expenses for the year ended 31 December 2016 amounted to RM709,134.

In 2017, MBOT did not get any grants from the Government and only used the allocation from the Launching Grant. Apart from using the launching grant, MBOT earns revenue from membership registration, accreditation of study programs and investments in fixed deposits. Total revenue earned by MBOT for the year ended 31 December 2017 is RM626,904. From these, RM453,852 was the profit on fixed deposit and current accounts while RM173,052 was from the membership registration and accreditation programmes. MBOT's expenses for the year ended 31 December 2017 was RM2,604,967 with a deficit of RM1,978,063.


JUMLAH UNJURAN BAJET TAHUNAN




PERBELANJAAN TAHUNAN



TERIMAAN HASIL 2016



TERIMAAN HASIL 2017



PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENT

2016



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 15.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Teknologis Malaysia pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Teknologi dan Juruteknik 2015 (Akta 768).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Teknologis Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Teknologis Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Teknologi dan Juruteknik 2015 (Akta 768). Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersejuaan tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Teknologis Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Teknologis Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Lembaga Teknologis Malaysia telah menerima pakai Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Disember 2015.
- b. Laporan ini dibuat untuk Anggota Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(LIM SOK KIANG)
 b.p. KETUA AUDIT NEGARA
 MALAYSIA

PUTRAJAYA
 21 OGOS 2018



LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

PENYATA PRESIDEN DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA

Kami, TAN SRI DATO' ACADEMICIAN Ts. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN FASc dan Ts. CHOO KOK BENG, yang masing-masing merupakan Presiden dan salah seorang Anggota Lembaga Teknologis Malaysia ("MBOT"), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai MBOT berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MBOT pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tempoh yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

TAN SRI DATO' ACADEMICIAN Ts.
AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN FASc.
PRESIDEN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

TARIKH: 20 AUG 2018

Bagi pihak Lembaga,

Ts. CHOO KOK BENG
ANGGOTA LEMBAGA
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

TARIKH: 20 AUG 2018

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN BERKENAAN**

Saya, Ts. MOHD KHAIRUDDIN BIN RAIS, No. K/P 800304-01-6075 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai MBOT berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkunun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh
Ts. MOHD KHAIRUDDIN BIN RAIS di
dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya
pada 20 AUG 2018

)
.....
Ts. MOHD KHAIRUDDIN BIN RAIS

Di hadapan saya:
Pesuruhjaya Sumpah



Suite 49B, Jalan Diplomatik
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatik
62050 PUTRAJAYA
Wilayah Persekutuan Putrajaya
HP No: +6012.350.8527

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	2016 RM
ASET		
Aset Semasa		
Wang di Bank	3	3,201,174
Deposit Tetap	4	12,000,000
Keuntungan Terakru atas Deposit Tetap	5	24,822
Jumlah Aset Semasa		15,225,996
Aset Bukan Semasa		
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	72,772
Deposit	7	55,650
Jumlah Aset Bukan Semasa		128,422
Jumlah Aset		15,354,418
LIABILITI		
Liabiliti Semasa		
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	8	3,534
Jumlah Liabiliti Semasa		3,534
Jumlah Liabiliti		3,534
ASET BERSIH		15,350,884
ASET BERSIH/ EKUITI		
Lebihan Terkumpul		15,350,884
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		15,350,884

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TEMPOH
DARI 1 DISEMBER 2015 HINGGA 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	13 Bulan Tempoh Berakhir 31 Disember 2016
		RM
Hasil		
Urus Niaga Bukan Pertukaran	9	16,000,000
Urus Niaga Pertukaran	10	350
Pendapatan Lain	11	<u>59,668</u>
Jumlah Hasil		16,060,018
Belanja		
Perbelanjaan Perjalanan		3,027
Sewaan		37,100
Perbelanjaan Am		69,764
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		39,867
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	6	1,136
Perbelanjaan Majlis Pelancaran MBOT	12	336,949
Lain-lain Belanja Perkhidmatan		13,384
Elaun Anggota Lembaga	13	<u>207,907</u>
Jumlah Belanja		709,134
Lebihan bagi Tahun		15,350,884

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TEMPOH DARI 1 DISEMBER 2015 HINGGA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	2016 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		15,350,884
Pelarasan:		
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	6	1,136
Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa/ Pendapatan Lain	11	(59,668)
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun Sebelum Perubahan dalam Modal Kerja		15,292,352
Peningkatan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	8	3,534
Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		15,295,886
Deposit Dibayar	7	(55,650)
Terimaan Keuntungan atas Akaun Semasa	11	34,846
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		15,275,082
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Bayaran untuk Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan	6	(73,908)
Aliran Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pelaburan		(73,908)
Peningkatan/ (Pengurangan) Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		15,201,174
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		-
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		15,201,174
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:		
Wang di Bank	3	3,201,174
Deposit Tetap	4	12,000,000
		15,201,174

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)



**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TEMPOH
DARI 1 DISEMBER 2015 HINGGA 31 DISEMBER 2016**

Lebihan Terkumpul RM	
Baki pada 01.12.2015	-
Lebihan bagi Tahun	15,350,884
Baki pada 31.12.2016	15,350,884

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

1. Kegiatan Utama

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang ditubuhkan melalui Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) pada 1 Ogos 2015. Kegiatan utama MBOT adalah mengiktiraf profesi teknologis dan juruteknik sebagai profesi ikhtisas di Malaysia serta menubuhkan majlis bagi menilai jaminan kualiti program dalam bidang teknologi.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan oleh Anggota Lembaga secara edaran pada 20 Ogos 2018.

2. Polisi Perakaunan

(a) Asas Perakaunan

- (i) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan MBOT adalah berterusan.
- (ii) Akaun-akaun MBOT yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) dan peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya.
- (iii) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

(b) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah terdiri daripada Wang di Bank dan Deposit Tetap.

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh usia guna aset tersebut pada kadar yang berikut:

Kategori	Usia Guna (Tahun)
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	10
Komputer dan Peralatan ICT	5

Had nilai dipermodalkan untuk Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000.00 bagi setiap item.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

Sesebuah butiran harta tanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaannya atau pelupusannya. Sebarang hasil atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

(d) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila MBOT mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

(e) Geran Pelancaran

Geran pelancaran diambil kira dalam penyata kewangan berdasarkan penerimaan tunai dan dianggap sebagai urus niaga bukan pertukaran.

(f) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam MBOT, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Aliran masuk sumber daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti telah dipenuhi, MBOT hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada MBOT dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

Pengiktirafan hasil MBOT yang terdiri daripada yuran keahlian (tahunan) dan pendaftaran adalah seperti berikut:

- (1) Apabila amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- (2) Kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada MBOT;
- (3) Tahap penyempurnaan urus niaga pada tarikh pelaporan boleh diukur dengan pasti; dan
- (4) Kos yang ditanggung untuk urus niaga dan kos untuk melengkapkan urus niaga boleh diukur dengan pasti.

(g) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja

di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat Jangka Panjang

Kakitangan MBOT secara kontrak akan diberikan Wang Tunai sebagai Gantian bagi Cuti Rehat yang Tidak Dapat Dihabiskan tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang diperuntukan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.17 Tahun 2008 atau pekeliling atau arahan lain Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Selain itu, MBOT akan menggunakan pekeliling-pekeliling berkaitan dengan manfaat atau ganjaran kepada kakitangan yang diluluskan oleh MBOT termasuk pekeliling-pekeliling Perkhidmatan Awam yang berkaitan dari semasa ke semasa.

MBOT juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

(iii) Pelan Sumbangan Terancang

MBOT mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi kakitangan mengikut skim pilihan mereka serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

(h) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

(i) MBOT hendaklah mendedahkan dalam nota, maklumat tentang (a) andaian utama berkenaan masa hadapan, dan (b) sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasian material terhadap amaun bawaan bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang. Bagi aset dan liabiliti tersebut, nota hendaklah menyatakan butiran mengenai:

- (1) Jenisnya; dan
- (2) Amaun bawaan pada tarikh pelaporan.

(ii) Penentuan nilai bawaan bagi sesetengah aset dan liabiliti memerlukan anggaran yang disebabkan oleh kesan daripada ketidakpastian peristiwa masa hadapan ke atas aset dan liabiliti pada tarikh pelaporan. Sebagai contoh, ketiadaan harga

pasaran terkini untuk mengukur aset dan liabiliti berikut, anggaran berorientasikan masa hadapan adalah perlu untuk mengukur (a) amaun boleh pulih bagi kelas tertentu harta tanah, loji dan peralatan, (b) kesan keusangan teknologi pada inventori, dan (c) peruntukan tertakluk kepada keputusan masa hadapan bagi litigasi yang sedang berlangsung. Anggaran ini melibatkan andaian item tersebut sebagai pelarasian risiko terhadap aliran tunai atau kadar diskaun yang digunakan dan perubahan harga masa hadapan yang mempengaruhi kos lain.

(iii) Andaian utama dan sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran didedahkan menurut perenggan (i) berkaitan dengan anggaran yang memerlukan pertimbangan pihak pengurusan yang paling sukar, subjektif atau kompleks. Dengan meningkatnya bilangan pemboleh ubah dan andaian yang mempengaruhi resolusi masa hadapan bagi ketidaktentuan itu, maka pertimbangan tersebut menjadi lebih subjektif dan kompleks, dan potensi untuk pelarasian material yang berbangkit daripada nilai bawaan bagi aset dan liabiliti biasanya turut meningkat.

(iv) Pendedahan dalam perenggan (i) tidak diperlukan bagi aset dan liabiliti yang mempunyai risiko yang signifikan apabila nilai bawaan mungkin berubah secara material dalam tahun kewangan berikutnya jika, pada tarikh pelaporan, ia diukur pada nilai saksama berdasarkan pemerhatian harga pasaran terkini (nilai saksamanya mungkin berubah secara material dalam tahun kewangan berikutnya, tetapi

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

perubahan ini tidak akan timbul daripada andaian atau sumber maklumat lain yang berhubung dengan ketidaktentuan anggaran pada tarikh pelaporan).

- (v) Pendedahan dalam perenggan (i) dibentangkan dalam cara yang dapat membantu pengguna penyata kewangan memahami pertimbangan yang dibuat oleh pihak pengurusan tentang masa hadapan dan ketidakpastian anggaran sumber utama lain. Jenis dan tahap maklumat yang diberikan bergantung kepada jenis andaian dan keadaan lain.

Contoh jenis pendedahan yang dibuat ialah:

- (1) Jenis andaian atau ketidakpastian anggaran yang lain;
- (2) Kepekaan nilai bawaan terhadap kaedah, andaian dan anggaran asas pengiraannya, termasuk alasan bagi kepekaan tersebut;
- (3) Jangkaan resolusi bagi ketidakpastian dan pelbagai kemungkinan yang munasabah dalam tahun kewangan berikutnya terhadap nilai bawaan bagi aset dan liabiliti yang terlibat; dan
- (4) Penjelasan tentang perubahan yang dibuat terhadap andaian sebelum ini berkaitan dengan aset dan liabiliti tersebut, jika ketidakpastian masih belum diselesaikan.

- (vi) Pendedahan maklumat atau ramalan bajet dalam perenggan (i) adalah tidak perlu.
- (vii) Apabila tidak praktikal untuk mendedahkan tahap kesan yang mungkin timbul daripada andaian utama atau sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, maka MBOT hendaklah mendedahkan semunasabah yang mungkin, berdasarkan maklumat yang ada, bahawa hasil dalam tahun kewangan berikutnya yang berbeza daripada andaian mungkin memerlukan pelarasan material kepada nilai bawaan aset atau liabiliti yang terlibat. Dalam semua kes, MBOT hendaklah mendedahkan jenis dan nilai bawaan aset atau liabiliti tertentu (atau kelas aset atau liabiliti) yang terlibat dengan andaian tersebut.
- (viii) Pendedahan tentang pertimbangan tertentu oleh pihak pengurusan semasa melaksanakan dasar perakaunan MBOT tiada kaitan dengan pendedahan sumber utama berhubung dengan ketidakpastian anggaran dalam perenggan (i).
- (ix) Pendedahan sesetengah andaian utama yang mungkin sebaliknya dikehendaki menurut perenggan (i) diperlukan oleh MPSAS lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

3. Wang di Bank

	2016 RM
Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya (Akaun Bayaran)	3,201,174

4. Deposit Tetap

	2016 RM
Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya	5,000,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya	7,000,000

5. Keuntungan Terakru

	2016 RM
Keuntungan atas Deposit Tetap yang belum terima:	
Deposit Tetap Bank Rakyat	18,411
Deposit Tetap Bank Islam	6,411

6. Hartanah, Loji dan Peralatan

	Peralatan dan Kelengkapan Pejabat RM	Komputer dan Peralatan ICT RM	Jumlah RM
KOS Pada 01.12.2015	-	-	-
Tambahan	11,500	62,408	73,908
Pada 31.12.2016	11,500	62,408	73,908
SUSUT NILAI TERKUMPUL			
Pada 01.12.2015	-	-	-
Tambahan	96	1,040	1,136
Pada 31.12.2016	96	1,040	1,136
NILAI BAWAAN	11,404	61,368	72,772

7. Deposit

	2016 RM
Deposit Berbayar - Cekap Usaha Jaya Sdn. Bhd.	55,650

Nota:

Deposit merangkumi deposit sewaan pejabat (2 bulan) dan deposit air (1 bulan)
bagi tempoh penyewaan bermula pada 1 November 2016 sehingga 30 Oktober 2019.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2016

8. Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar

	2016 RM
Fi Audit	3,534

9. Urus Niaga Bukan Pertukaran

<u>Terimaan Geran Kerajaan</u>	2016 RM
Penyaluran Pertama pada 10.12.2015	8,000,000
Penyaluran Kedua pada 28.03.2016	8,000,000
	16,000,000

Nota:

Geran Pelancaran diberikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi menampung perbelanjaan penubuhan MBOT.

10. Urus Niaga Pertukaran

	2016 RM
Yuran Pendaftaran	350

11. Pendapatan Lain

	2016 RM
Keuntungan atas Akaun Semasa	34,846
Keuntungan atas Deposit Tetap	24,822
	59,668

12. Perbelanjaan Majlis Pelancaran MBOT

	2016 RM
Perkhidmatan Pengurusan Acara	227,454
Promosi	57,502
Sewaan Dewan	30,666
Perkhidmatan Katering	15,327
Hadiah Pertandingan Logo Terbaik	6,000
	336,949

13. Elaun Anggota Lembaga

	2016 RM
Elaun Bulanan	165,407
Elaun Kehadiran	42,500
	207,907

14. Angka Perbandingan

Tiada angka perbandingan disediakan kerana ini adalah kali pertama penyata kewangan disediakan sejak penubuhan.

15. Pembundaran

Penyata kewangan ini dibundarkan kepada nilai Ringgit terdekat dan pembentangannya tidak mengabaikan maklumat yang material.

PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENT
2017



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
 MENGENAI PENYATA KEWANGAN
 LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Dalam Ekuiti bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 18.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Teknologis Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersetujuan untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Teknologis Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Teknologis Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768). Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam pernyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketenggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatas kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Teknologis Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melapor dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam pernyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan pernyata kewangan Lembaga Teknologis Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundungan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Teknologis Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Anggota Lembaga dan bukan untuk tunjauan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(LIM SOK KIANG)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
21 OGOS 2018



LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

PENYATA PRESIDEN DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA

Kami, **TAN SRI DATO' ACADEMICIAN Ts. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN FASc** dan **Ts. CHOO KOK BENG**, yang masing-masing merupakan Presiden dan salah seorang Anggota Lembaga Teknologi Malaysia ("MBOT"), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai MBOT berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MBOT pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tempoh yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

TAN SRI DATO' ACADEMICIAN Ts.
AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN FASc.
PRESIDEN
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

TARIKH: 20 AUG 2018

Bagi pihak Lembaga,

ANGOTA LEMBAGA
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

TARIKH: 20 AUG 2018

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN BERKENAAN**

Saya, **Ts. MOHD KHAIRUDDIN BIN RAIS**, No. K/P 800304-01-6075 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai MBOT berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkunun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diauk oleh
Ts. MOHD KHAIRUDDIN BIN RAIS di
dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya
pada 20 AUG 2018

)
)
)

.....
Ts. MOHD KHAIRUDDIN BIN RAIS

Di hadapan saya:
Pesuruhjaya Sumpah



Suite 498, Jalan Diplomatik
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatik
62050 PUTRAJAYA
Wilayah Persekutuan Putrajaya
HP No: +6012.350.8527

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

	NOTA	2017 RM	2016 (01.12.2015 sehingga 31.12.2016) RM
ASET			
Aset Semasa			
Wang di Bank	3	3,694,581	3,201,174
Deposit Tetap	4	9,291,747	12,000,000
Keuntungan Terakru atas Deposit Tetap	5	178,622	24,822
Belanja Percetakan Tertunda	6	787,209	-
Jumlah Aset Semasa		13,952,159	15,225,996
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Peralatan	7	169,663	72,772
Deposit	8	55,650	55,650
Jumlah Aset Bukan Semasa		225,313	128,422
Jumlah Aset		14,177,472	15,354,418
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	9	17,442	3,534
Lain-lain Belum Bayar	10	787,209	-
Jumlah Liabiliti Semasa		804,651	3,534
Jumlah Liabiliti		804,651	3,534
ASET BERSIH		13,372,821	15,350,884
ASET BERSIH/ EKUITI			
Lebihan Terkumpul		13,372,821	15,350,884
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		13,372,821	15,350,884

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	NOTA	2017 RM	2016 (01.12.2015 sehingga 31.12.2016) RM
Hasil			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	11	-	16,000,000
Urus Niaga Pertukaran	12	173,052	350
Pendapatan Lain	13	453,852	59,668
Jumlah Hasil		626,904	16,060,018
Belanja			
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	14	660,451	-
Perbelanjaan Perjalanan		413,093	3,027
Sewaan	15	263,865	37,100
Perbelanjaan Am		93,379	69,764
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		12,034	39,867
Utiliti	16	62,806	-
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	7	28,945	1,136
Hapus Kira Hartanah, Loji dan Peralatan	7	31,609	-
Perbelanjaan Majlis Pelancaran MBOT		-	336,949
Lain-lain Belanja Perkhidmatan	17	774,209	13,384
Elaun Mesyuarat	18	13,900	-
Elaun Anggota Lembaga	19	250,676	207,907
Jumlah Belanja		2,604,967	709,134
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		(1,978,063)	15,350,884

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

		2016		2016	
		NOTA	2017	(01.12.2015 sehingga 31.12.2016)	2017
			RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI					
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun			(1,978,063)	15,350,884	
Pelarasian:					
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	7	28,945	1,136		
Hapus Kira Hartanah, Loji dan Peralatan	7	31,609	-		
Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa/Pendapatan Lain	13	(453,852)	(59,668)		
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun Sebelum Perubahan dalam Modal Kerja			(2,371,361)	15,292,352	
Peningkatan Belanja Percetakan Tertunda	6	(787,209)	-		
Peningkatan Lain-lain Belum Bayar	10	787,209	-		
Peningkatan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	9	13,908	3,534		
Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi			(2,357,453)	15,295,886	
Deposit Dibayar			-	(55,650)	
Terimaan Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa			300,052	34,846	
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi			(2,057,401)	15,275,082	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Bayaran untuk Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan	7	(157,445)	(73,908)		
Aliran Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pelaburan			(157,445)	(73,908)	
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai				(2,214,846)	15,201,174
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun				15,201,174	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun				12,986,328	15,201,174
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:					
Wang di Bank	3	3,694,581	3,201,174		
Deposit Tetap	4	9,291,747	12,000,000		
				12,986,328	15,201,174

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Lebihan Terkumpul RM
Baki pada 01.12.2015	-
Lebihan bagi Tahun	15,350,884
Baki pada 31.12.2016	15,350,884
Baki pada 01.01.2017	15,350,884
Kurangan bagi Tahun	(1,978,063)
Baki pada 31.12.2017	13,372,821

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

1. Kegiatan Utama

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang ditubuhkan melalui Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) pada 1 Ogos 2015. Kegiatan utama MBOT adalah mengiktiraf profesi teknologis dan juruteknik sebagai profesi ikhtisas di Malaysia serta menubuhkan majlis bagi menilai jaminan kualiti program dalam bidang teknologi.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan oleh Anggota Lembaga secara edaran pada 20 Ogos 2018.

2. Polisi Perakaunan

(a) Asas Perakaunan

- (i) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan MBOT adalah berterusan.
- (ii) Akaun-akaun MBOT yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) dan peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya.
- (iii) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

(b) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah terdiri daripada Wang di Bank dan Deposit Tetap.

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh usia guna aset tersebut pada kadar yang berikut:

Kategori	Usia Guna (Tahun)
Kenderaan	8
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	10
Komputer dan Peralatan ICT	5

Had nilai dipermodalkan untuk Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000.00 bagi setiap item.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

Sesebuah butiran hartanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaannya atau pelupusannya. Sebarang hasil atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

(d) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila MBOT mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

(e) Geran Pelancaran

Geran pelancaran diambil kira dalam penyata kewangan berdasarkan penerimaan tunai.

(f) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam MBOT, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Aliran masuk sumber daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti telah dipenuhi, MBOT hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada MBOT dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

Pengiktirafan hasil MBOT yang terdiri daripada yuran keahlian (tahunan) dan pendaftaran adalah seperti berikut:

- (1) Apabila amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- (2) Kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada MBOT;
- (3) Tahap penyempurnaan urus niaga pada tarikh pelaporan boleh diukur dengan pasti; dan
- (4) Kos yang ditanggung untuk urus niaga dan kos untuk melengkapkan urus niaga boleh diukur dengan pasti.

(g) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun, bonus, sumbangan keselamatan sosial, manfaat-manfaat bukan kewangan dan pelbagai cuti termasuk cuti tahunan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan MBOT.

(ii) Manfaat Jangka Panjang

Kakitangan MBOT secara kontrak akan diberikan Wang Tunai sebagai Gantian bagi Cuti Rehat yang Tidak Dapat Dihabiskan tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang diperuntukan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.17 Tahun 2008 atau pekeliling atau arahan lain Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Selain itu, MBOT akan menggunakan pekeliling-pekeliling berkaitan dengan manfaat atau ganjaran kepada kakitangan yang diluluskan oleh MBOT termasuk pekeliling-pekeliling Perkhidmatan Awam yang berkaitan dari semasa ke semasa.

MBOT juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) Pelan Sumbangan Terancang

MBOT mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi kakitangan mengikut skim pilihan mereka serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

(h) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

- (i) MBOT hendaklah mendedahkan dalam nota, maklumat tentang (a) andaian utama berkenaan masa hadapan, dan (b) sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasan material terhadap amaun bawaan bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang. Bagi aset dan liabiliti tersebut, nota hendaklah menyatakan butiran mengenai:
 - (1) Jenisnya; dan
 - (2) Amaun bawaan pada tarikh pelaporan.
- (ii) Penentuan nilai bawaan bagi sesetengah aset dan liabiliti memerlukan anggaran yang disebabkan oleh kesan daripada ketidakpastian peristiwa masa hadapan ke atas aset dan liabiliti pada tarikh pelaporan. Sebagai contoh, ketiadaan harga pasaran terkini untuk mengukur aset dan liabiliti berikut, anggaran berorientasikan masa hadapan adalah perlu untuk mengukur (a) amaun boleh pulih bagi kelas tertentu hartanah, loji dan peralatan, (b) kesan keusangan teknologi pada inventori, dan (c) peruntukan tertakluk kepada keputusan masa hadapan bagi litigasi yang sedang berlangsung. Anggaran ini melibatkan

andaian item tersebut sebagai pelarasan risiko terhadap aliran tunai atau kadar diskain yang digunakan dan perubahan harga masa hadapan yang mempengaruhi kos lain.

- (iii) Andaian utama dan sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran didedahkan menurut perenggan (i) berkaitan dengan anggaran yang memerlukan pertimbangan pihak pengurusan yang paling sukar, subjektif atau kompleks. Dengan meningkatnya bilangan boleh ubah dan andaian yang mempengaruhi resolusi masa hadapan bagi ketidaktentuan itu, maka pertimbangan tersebut menjadi lebih subjektif dan kompleks, dan potensi untuk pelarasan material yang berbangkit daripada nilai bawaan bagi aset dan liabiliti biasanya turut meningkat.
- (iv) Pendedahan dalam perenggan (i) tidak diperlukan bagi aset dan liabiliti yang mempunyai risiko yang signifikan apabila nilai bawaan mungkin berubah secara material dalam tahun kewangan berikutnya jika, pada tarikh pelaporan, ia diukur pada nilai saksama berdasarkan pemerhatian harga pasaran terkini (nilai saksamanya mungkin berubah secara material dalam tahun kewangan berikutnya, tetapi perubahan ini tidak akan timbul daripada andaian atau sumber maklumat lain yang berhubung dengan ketidaktentuan anggaran pada tarikh pelaporan).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

- (v) Pendedahan dalam perenggan (i) dibentangkan dalam cara yang dapat membantu pengguna menyatakan kewangan memahami pertimbangan yang dibuat oleh pihak pengurusan tentang masa hadapan dan ketidakpastian anggaran sumber utama lain. Jenis dan tahap maklumat yang diberikan bergantung kepada jenis andaian dan keadaan lain. Contoh jenis pendedahan yang dibuat ialah:
 - (1) Jenis andaian atau ketidakpastian anggaran yang lain;
 - (2) Kepekaan nilai bawaan terhadap kaedah, andaian dan anggaran asas pengiraannya, termasuk alasan bagi kepekaan tersebut;
 - (3) Jangkaan resolusi bagi ketidakpastian dan pelbagai kemungkinan yang munasabah dalam tahun kewangan berikutnya terhadap nilai bawaan bagi aset dan liabiliti yang terlibat; dan
 - (4) Penjelasan tentang perubahan yang dibuat terhadap andaian sebelum ini berkaitan dengan aset dan liabiliti tersebut, jika ketidakpastian masih belum diselesaikan.
- (vi) Pendedahan maklumat atau ramalan bajet dalam perenggan (i) adalah tidak perlu.
- (vii) Apabila tidak praktikal untuk mendedahkan tahap kesan yang mungkin timbul daripada andaian utama atau sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, maka MBOT hendaklah mendedahkan semunasabah yang mungkin, berdasarkan maklumat yang ada, bahawa hasil dalam tahun kewangan berikutnya yang berbeza daripada andaian mungkin memerlukan pelarasaran material kepada nilai bawaan aset atau liabiliti yang terlibat. Dalam semua kes, MBOT hendaklah mendedahkan jenis dan nilai bawaan aset atau liabiliti tertentu (atau kelas aset atau liabiliti) yang terlibat dengan andaian tersebut.
- (viii) Pendedahan tentang pertimbangan tertentu oleh pihak pengurusan semasa melaksanakan dasar perakaunan MBOT tiada kaitan dengan pendedahan sumber utama berhubung dengan ketidakpastian anggaran dalam perenggan (i).
- (ix) Pendedahan sesetengah andaian utama yang mungkin sebaliknya dikehendaki menurut perenggan (i) diperlukan oleh MPSAS lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2017

2016	Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	Komputer dan Peralatan ICT	Jumlah
	RM	RM	
KOS Pada 01.12.2015	-	-	-
Tambahan	11,500	62,408	3,908
Kurangan	-	-	-
Pada 31.12.2016	11,500	62,408	73,908
SUSUT NILAI TERKUMPUL Pada 01.12.2015	-	-	-
Tambahan	96	1,040	1,136
Kurangan	-	-	-
Pada 31.12.2016	96	1,040	1,136
NILAI BAWAAN	11,404	61,368	72,772
8. Deposit			
	2017	2016	
Deposit Berbayar – Cekap Usaha Jaya Sdn. Bhd.	RM	RM	
	55,650	55,650	

Nota: Deposit merangkumi deposit sewaan pejabat (2 bulan) dan deposit air (1 bulan) bagi tempoh penyewaan bermula pada 1 November 2016 sehingga 30 Oktober 2019.

9. Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	2017	2016
	RM	RM
Fi Audit	13,434	3,534
Lain-lain Perbelanjaan Terakru	4,008	-
	17,442	3,534
10. Lain-lain Belum Bayar		
	2017	2016
	RM	RM
Pembiutang Pelbagai	787,209	-
	787,209	-
11. Urus Niaga Bukan Pertukaran		
Terimaan Geran Kerajaan	2017	2016
	RM	RM
Penyaluran Pertama pada 10.12.2015	-	8,000,000
Penyaluran Kedua pada 28.03.2016	-	8,000,000
	-	16,000,000

Nota: Geran Pelancaran diberikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi menampung perbelanjaan penubuhan MBOT bermula tahun 2015 dan 2016. Tiada Geran Kerajaan diberikan pada tahun-tahun berikutnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

12. Urus Niaga Pertukaran

	2017 RM	2016 RM
Yuran Pendaftaran Fi	153,052	350
Akreditasi	20,000	-
	173,052	350

13. Pendapatan Lain

	2017 RM	2016 RM
Keuntungan atas Akaun Semasa	7,301	34,846
Keuntungan atas Deposit Tetap	446,551	24,822
	453,852	59,668

14. Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja

	2017 RM	2016 RM
Gaji	575,513	-
Sumbangan Berkanun:		
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	32,481	-
Kumpulan Wang Amanah Pencen	41,841	-
Pertubuhan Keselamatan Sosial	1,674	-
Tuntutan Lebih Masa	4,592	-
Tuntutan Yuran Badan Ikhtisas	350	-
Bantuan Khas Kewangan	4,000	-
	660,451	-

15. Sewaan

	2017 RM	2016 RM
Sewaan Pejabat	226,310	37,100
Sewaan Kelengkapan Pejabat	9,449	-
Lain-lain Sewaan	28,106	-
	263,865	37,100

16. Utiliti

	2017 RM	2016 RM
Perkhidmatan Pos Laju	8,870	-
Bekalan Elektrik	10,389	-
Bekalan Air	34	-
Caj Pembetungan	461	-
Rangkaian Internet dan Telefon	43,052	-
	62,806	-



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

17. Lain-lain Belanja Perkhidmatan

	2017 RM	2016 RM
Perkhidmatan Guaman	13,336	-
Perkhidmatan Pengauditan	9,900	3,534
Perkhidmatan Penerbitan/ Promosi	80,874	-
Perkhidmatan Katering	14,263	-
Program MBOT Accreditation Summit 2017	195,863	-
Program UMP TVET	50,000	-
Perkhidmatan Percetakan	115,771	-
Perkhidmatan Web Portal & Sistem Pendaftaran	174,582	-
Perkhidmatan Pekerja Sementara/Sambilan	23,850	-
Lain-lain Perkhidmatan	95,770	9,850
	774,209	13,384

18. Elaun Mesyuarat

	2017 RM	2016 RM
Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal	3,100	-
Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan	7,000	-
Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Seoul Accord	1,800	-
Elaun Panel Penilai Program Akreditasi	2,000	-
	13,900	-

19. Elaun Anggota Lembaga

	2017 RM	2016 RM
Elaun Bulanan	176,476	165,407
Elaun Kehadiran	67,000	42,500
Tuntutan Pendaftaran Keahlian MBOT	7,200	-
	250,676	207,907

20. Angka Perbandingan

Angka perbandingan yang disediakan melibatkan tempoh kewangan yang melebihi 12 bulan iaitu dari 1 Disember 2015 sehingga 31 Disember 2016. Ini menyebabkan perbandingan yang setara tidak dapat dibuat.

21. Pembundaran

Penyata kewangan ini dibundarkan kepada nilai Ringgit terdekat dan pembentangannya tidak mengabaikan maklumat yang material.



SEKRETARIAT TERKINI MBOT

CURRENT MBOT SECRETARIAT

Duduk dari kiri:

En. Muhammad Hamizan bin Adnan, En. Mohamad Safwan bin Mustafar, Pn. Junita Idura binti Osman, Ts. Mohd Khairuddin bin Rais, Ts. Mohd Nazrol bin Marzuke

Berduri dari kiri:

Ts. Kamarul Ariffin bin Mohamad, En. Muhamad Farhan bin Kamarjan, Cik Natasya binti Johari, Pn. Salmishahira binti Sahak, Cik Nurfarahin binti Madon, Cik Siti Fazmira binti Zainal Abidin, Pn. Asma Hanim binti Ahmad Sajuri, Pn. Nurul 'Izzati binti Mohd Saad, Cik Nurul Hafiza binti Jusoh, En. Nabil Fikry bin Solehan



SEKRETARIAT TERKINI TTAS

CURRENT TTAS SECRETARIAT

Dari kiri:

En. Muhammad Izzat Hakimi bin Mustaffa, Cik Noramira binti Zulkepli, En. Aqmal Syamir bin Abdul Manan, Cik Nur Sakinah binti Ishak, En. Saharudin bin Ramli, Prof. Madya Dr. Ts. Mohd Ruslim bin Mohamed



Sebahagian Barisan Anggota Lembaga yang menghadiri sesi menandatangani MoU TEP

Dari kiri:

YBhg. Prof. Dato' Dr. Ts. Rosli bin Mohd Yunus, YBrs. Ts. Hjh. Sharifah Zaida Nurlisha binti Syed Ibrahim, YBrs. Tc. Abdul Hafiz bin Mohamad Nor, YBhg. Tan Sri Dato' Academician (Dr.) Ts. Ahmad Zaidee bin Ladin, FASc., YBrs. Ts. Choo Kok Beng, YBrs. TPr. Norliza binti Hashim dan YBrs. Ts. Mohd Nazrol bin Marzuke

LAPORAN TAHUNAN

Lembaga Teknologis Malaysia
Malaysia Board of Technologists

2016/2017

